

Projek Mural Hari Kesukarelawan Sedunia 2017

► Universiti Malaysia Sabah



KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Projek Mural Hari Kesukarelawan Sedunia 2017 yang diadakan serentak di seluruh universiti awam di Malaysia.

Di Sabah, UMS memilih Sekolah Kebangsaan Sembulan, Kota Kinabalu bagi pelancaran projek mural berkenaan.

Projek mural ini diketuai oleh Prof. Madya Dr. Puad Bebit, Pensyarah Fakulti Kemanusiaan Seni & Warisan (FKSW) dan disertai lebih 30 orang mahasiswa yang terdiri dari Kelab Kesukarelawan UMS dan Program Teknologi Seni Visual Tahun 1 & Tahun 3 dan turut terlibat daripada Persatuan Seni Visual Sabah.

Gimik pelaksanaan Projek

Mural Hari Kesukarelawan 2017 ini disempurnakan oleh Prof. Dr. Shahril Yusof, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) yang mewakili Naib Canselor, UMS.

Penyempurnaan pelaksanaan projek ini turut dihadiri Guru Besar SK Sembulan iaitu Puan Hajah Marianah Yusof, Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ahmadi Nurdin, pegawai-pegawai HEPA dan guru-guru SK Sembulan Kota Kinabalu.

Menurut Prof. Dr. Shahril Yusof, yang mewakili Naib Canselor UMS, pihak UMS di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni akan mengadakan satu lagi program di sekolah tersebut iaitu Akuakultur, Projek Kolam Ikan dan Taman Sekolah pada tahun hadapan.

Manakala menurut Prof. Dr. Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor (HEPA), projek mural tersebut bukan sahaja diadakan di sekolah berkenaan, akan tetapi ada 19 buah lagi tempat di luar UMS bagi para pelajar membuat projek mural seperti yang disarankan oleh Kementerian



SHAHRIL ketika melancarkan gimik pelancaran projek itu.

“Pihak UMS di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni akan mengadakan satu lagi program di sekolah tersebut iaitu Akuakultur, Projek Kolam Ikan dan Taman Sekolah pada tahun hadapan.”

PROF. DR SHAHRIL YUSOF

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Pendidikan Tinggi.

Projek Mural Hari Kesukarelawan Sedunia 2017 adalah program yang diselenggarakan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi melibatkan semua universiti awam, institut pendidikan tinggi swasta,

politeknik dan kolej komuniti.

Tema mural yang boleh dipilih adalah TN50, Negaraku, Patriotisme dan Sukarelawan. Setiap mural yang dilukis hendaklah disertakan dengan logo *Soaring Upwards* dan *INegaraku*.



PESERTA Projek Mural Hari Kesukarelawan Sedunia 2017.